

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

YWP 215 – PENGENALAN KEPADA KEWARTAWANAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SATU** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Sebelum mendapatkan maklumat dari sumber berita, seseorang wartawan perlu membuat persediaan-persediaan tertentu. Jelaskan persediaan-persediaan itu dan bincangkan bagaimana ia boleh membantu proses temubual yang dijalankan.
2. Isu-isu *privacy*, kesaksamaan (*fairness*) dan kebenaran adalah persoalan-persoalan dalam bidang etika kewartawanan. Bincangkan isu-isu tersebut dengan contoh-contoh.
3. Akhbar ialah institusi masyarakat. Bincangkan dengan menghubungkaitkannya dengan struktur kuasa dalam masyarakat.
4. Ada pendapat mengatakan pemilik akhbar adalah orang yang paling penting dalam menentukan apakah yang akan disiarkan di dalam akhbar, termasuk membuat keputusan mengenai polisi akhbar. Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada isu pemilikan dan kawalan.
5. Untuk mendefinisikan berita adalah agak sukar kerana ia seringkali berakhir sebagai proses pengumpulan berita. Bincangkan beberapa definisi berita yang diperkenalkan oleh sarjana media dan hubungkaitkannya dengan ciri-ciri berita. Berikan contoh-contoh.

- ooo O ooo -